

SEJARAH & WARISAN PENAWAR WAHABISME & EKSTRIMISME

Umat Islam hari ini diserang secara agresif dan intensif pada pegangan Rukun Sawabitnya (IMAN, ISLAM, IHSAN) dari luaran dan dalaman. Mutakhir ini telah digerakan agenda Wahabisme secara intensif ke peringkat media perdana dan media siber, otoriti-otoriti agama dan kerajaan. Golongan yang menyerang telah menggunakan strategi yang tersusun, kemas dan berorganisasi.

Maka apakah sikap dan strategi kita?

Kekuatan Rumpun Melayu Nusantara yang tersembunyi

Secara umum, respon dalam menyikapi serangan Wahabisme kurang agresif, tidak tersusun dan terpencair-pencar sehingga dilihat sebagai lemah berbanding gerakkerja mereka.

Realitinya, kebanyakan kita adalah *'the silent and suffering majority'*, walhal, keluarga kita, adik beradik kita, ibubapa kita, bapa-bapa dan ibu-ibu saudara kita, ipar-duai kita, mertua-mertua kita, klg mertua-mertua kita, datok nenek kita, moyang nyet kita sambung menyambung bersalasilah ke atas dan ke atas dan ke atas, terus terusan ke atas sehingga menyorot lebih 800-900 tahun dahulu (lebih 40 generasi) adalah berpegang pada fahaman AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH (Aqidah Asya'irah wa Maturidiyyah, Fiqh Syafi'e dan meraikan mazhab muktabar yang lain, serta mengambil ajaran Tasawuf Imam al Ghazali secara umum). Leluhur kita waktu itu selamat dalam pentarbiyahan zahir batin di tangan ulama muktabar lagikan mursyid, kebanyakan ulamanya ulama ahlul-bait Rasulullah ﷺ sendiri. ITULAH HAKIKAT SEJARAH & JATIDIRI KITA.

Lihat pula jiran-jiran kita, orang-orang kampung kita, orang kampung-kampung sebelah menyebelah kita, rakan-rakan sekerja kita, negara-negara jiran kita (Nusantara), rata-rata masih ramai yang tetap mewarisi fahaman dan amalan yang sama, maka disebut sebagai RUMPUN NUSANTARA atas ikatan fahaman agama Ahlus Sunnah ini. Sejarah dan warisan kita adalah juga sejarah dan warisan mereka.

Hanya generasi muda yang beberapa kerat hari ini mula tersasar dari fahaman leluhur, tak sampai 10-15 tahun umurnya di sini. Kalau yang lebih awal sedikit itu yang disebut sebagai Kaum Muda pun umurnya baru 50-60 tahun, kerana Wahabisme ini baru, wujud dalam akhir abad ke 19 Masihi. Mereka ini lagak anak-anak kecil yang bermacam karenah, mengapa dilayan??? Agak-agak kalau nenek moyang mereka dihidupkan kembali, sudah tentu dipiat-piat telinga cicit-cicit mereka ini kerana mahu memberontak keluar dari resam bangsa Melayu yang selama berabad-abad dalam tarbiyah dan dakapan tangan-tangan mulia golongan alim-ulama ahlus sunnah wal jamaah, yang ramai berstatus mursyid, arif billah, waliyullah dari kalangan zuriat Nabi ﷺ.

Dari 9 orang Raja-raja Melayu, berapa kerat yang ambil fahaman Wahabisme, dari ramai-ramai mufti di Malaysia, berapa kerat yang mengambil Wahabisme, dari kalangan ahli politik berapa kerat yang berani mengaku Wahabi? Bukan tak ada, tapi jumlahnya tak ramai, realitinya golongan Ahlus Sunnah masih sangat ramai, masih sangat majoriti, atas satu alasan yang mudah..INILAH JATIDIRI, SEJARAH DAN WARISAN kita semua.

Cuma kebanyakan kita hari ini ada masalah sedikit:

1. Ramai kita tidak sedar pun bahawa 'by default' atau secara 'fitrah', kita semua adalah golongan Ahlus Sunnah wal Jamaah' dari semenjak MELAYU ITU ISLAM, kerana kita lahir dalam lingkungan bangsa yang bersefahaman demikian berkat tarbiyah ulama dan umara dahulu: Rata-rata kita tidak ada ilmu apakah itu sebenarnya fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah, kerana ianya sudah teradat atau menjadi adat yang diadatkan dalam jatidiri kita turun temurun bersekali dengan natijahnya dalam adat budaya kita... Amal tak amal sahaja. HAL INI PERLU DISEDARKAN

2. Kita tidak sedar bahawa wujud kepentingan dan faedah yang sangat besar pada fahaman yang kita warisi 'by default' ini, iaitu kepentingan yang terkait dengan hadith Nabi ﷺ:

“Umat Yahudi terpecah menjadi tujuh puluh satu golongan, dan umat Nasrani terpecah menjadi tujuh puluh dua golongan. dan umatku akan terpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya masuk neraka kecuali satu. Berkata para sahabat : “Siapakah mereka wahai Rasulullah ﷺ ?” Rasulullah ﷺ menjawab : “Mereka adalah yang mengikuti aku dan para sahabatku.”.

“Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad ditanganNya, akan berfirqah umatku sebanyak 73 firqah, yang satu masuk syurga dan yang lain masuk neraka.’ Sahabat bertanya: ‘Siapakah firqah (yang tidak masuk neraka) itu ya Rasulullah?’ Nabi menjawab : ‘Ahlus Sunnah Wal Jamaah’. (HR Thabarani)

3. Ramai dari kalangan kita tidak sedar tentang bahaya ancaman Wahabisme hari ini yang bekerja seperti anai-anai, senyap mengambil alih otoriti-otoriti agama dan pemerintahan secara berdikit-dikit dan di bawah sedar, tahu-tahu kelak sudah runtuh 'foundation' atau teras bangunan yang leluhur kita telah semai, bina dan perkukuhkan dengan sepenuh kasih sayang, haibah dan himmah, semenjak beratus ratus tahun dengan bimbingan ulama dan mursyid dan dibentengi kerja mereka dengan umara@sultan@khulafa Rasulullah ﷺ. HARI INI KITA BERSIKAP 'COMPLACENT', antaranya kerana kita telah kehilangan JATIDIRI

4. Ramai dari kalangan kita tidak sedar natijah buruk dan kemudaratan yang bakal menimpa dunia dan akhirat kita, jika gejala ini tidak segera dibendung, DICANTAS ke akar umbi.Tak perlu pergi jauh. Kaji sedikit sejarah dan gerakan Wahabisme yang memporak perandakan negara-negara Arab dari

awal sehingga masakini, hatta di balik tabir menjatuhkan pemerintahan Syarif (ahlul-bait al Hassani) di Tanah Hijaz dan menggantikan dengan apa yang ada sekarang.

Tanggungjawab kita

Ambil sebilah lidi dan berikan pada semua ahli keluarga kita. Kemudian sorang-sorang cuba patahkan. Cukup mudah dipatahkan bukan? Sekarang ambil seberkas sapu lidi yang telah diikat kemas dan kuat, cuba patahkan sapu lidi tersebut.. Bagaimana? Sudah tentu tidak berhasil mematahkan seberkas lidi yang telah diikat kemas menjadi sapu lidi.

Sekarang ambil lagi sebilah lidi dan cuba sapu sampah dengannya, mustahil? Sekarang ambil seberkas lidi dan sapu sampah, sangat mudah bukan??

Iktibarnya; Kita perlukan penggembelangan diri, keluarga, sanak-saudara, datok nenek, ipar duai, jiran sekampung, jiran dari kampung sebelah menyebelah, kariah masjid dan surau, para asatizah, ahli-ahli akademik, budayawan, sejarahwan, pesilat, hulubalang, jemaah-jemaah, kumpulan-kumpulan, Ngo-Ngo semua untuk BERGABUNG dan BERSATU, kembali menyambung dan memikul peranan leluhur sebagai BANGSA PENDOKONG DAN PEMBENTENGAN AGAMA.

Ikut kembali bangsa ini dengan apa? **JATIDIRI LELUHUR dan WARISAN..**

Kerana golongan yg berpegang pada fahaman Wahabisme tidak boleh masuk pada adat, budaya dan warisan (mereka kata ini bid'ah dholalah) sedangkan adat, budaya dan warisan adalah jatidiri kita semenjak beratus-ratus tahun, bentuk natijahnya terkandung 'essence' atau hakikat kefahaman Tauhid, Fiqh dan Tasawuf ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Mari, kita kembali menjadi bangsa pendokong dan pembentengan agama fahaman leluhur kita, iaitu FAHAMAN AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Elemen Apakah yang Melayu perlu terus mendokong :

- i. Tradisi Fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah
- ii. Ahlul-Bait Nabi عليه وسلم
- iii. Institusi Raja-Raja Melayu
- iv. Institusi Ulama; Murabbi & Mursyid
- v. Bahasa Jawi & Kitab Kuning
- vi. Tasawuf, Tariqat, Adab dan Akhlak
- vii. Adat Melayu Bersendi Kitabullah
- viii. Seni Bela Diri, Persilatan & Keris Melayu
- ix. Islamisasi Sastera & Budaya Melayu
- x. Wilayah & Daulah
- xi. Perpaduan, Kesefahaman & Kesatuan Ummah

Anasir apakah yang Melayu perlu terus dibentengkan drp mudaratnya:

i. Firqah Dholalah

- Mujassimah
- Muktazilah
- Syiah
- Khawarij
- Qadhiani
- Qadariyah
- Jabbariyah
- dsbnya

ii. Fitnah 'isme' yang yang sangat berleluasa masakini

- Orientalisme
- Sekularisme
- Liberalisme
- Pluralisme
- Zionisme
- dsbnya

iii. Ancaman Keselamatan, Perpaduan dan Kesejahteraan Rakyat dan Daulah serta yang terkait dengannya seperti Ekonomi, Kesihatan dan sebagainya

iv. Dll yang difikirkan sesuai

Wallahu 'alam bissawab
TSTHO